



MIRSUDIAR diberi rawatan di Pusat Operasi Pos Tohoi.



Harianmetro
10/10/2015
MIS 10

DITEMUI KEBULURAN

■ Perdu pokok jadi rumah budak hilang bersembunyi

ROSITA berjumpa dengan anaknya Mirsudiar di Pusat Operasi Pos Tohoi.



Oleh Maiamalina Mohamed Amin
maiamalina@hmetro.com.my
Gua Musang

an Norieen Yaakob, 10, dan Mirsudiar Aluj, 11, ditemui dalam keadaan kebuluran, keletihan dan tubuh cengkung di celah akar pokok besar itu di tebing Sungai Perias dekat Pos Tohoi, di sini, jam 12.15 tengah hari.

Mereka ditemui Koperal Husni Hussin dari Ibu Pejabat Polis Daerah Gua Musang dan dua lagi penduduk kampung dari Kuala Betis ketika meronda dengan bot bagi mengesan baki lima lagi murid Orang Asli SK Tohoi.



Penemuan daun hijau di dalam lubang akar pokok besar membuktikan dua murid Orang Asli Sekolah Kebangsaan (SK) Tohoi, dekat sini, yang ditemui semalam, makan tumbuh-tumbuhan dan minum air sungai untuk meneruskan kehidupan dalam tempoh kehilangan mereka sejak 23 Ogos lalu.

Selepas 48 hari hilang, murid berkenaan

Menurut Husni, daun hijau itu ditemui ketika dia meninjau ke dalam lubang perdu pokok besar berkenaan selepas menemui dua kanak-kanak terbabit.

Ketika ditemui, katanya, murid berkenaan mengadu kelaparan kerana tidak menjamah makanan dan minuman sempurna sejak kehilangan mereka.

"Sayu sungguh hati melihat keadaan mereka, kami beri mereka makan telur rebus, air teh dan air mineral yang menjadi bekalan kami. Mungkin itu makanan pertama mereka yang

MIRSUDIAR



NORIEEN ditemui diberi rawatan.



sempurna sejak hilang," katanya kepada Harian Metro ketika ditemui semalam.

Ber cerita lanjut, Husni berkata, kedua-duanya dalam keadaan takut ketika dijumpai.

Pasukan penyelamat itu terpaksa menggunakan bahasa Temiar untuk meyakinkan kanak-kanak terbabit.

"Jangan lari, jangan lari. Kami Orang Asli juga dari Kuala Betis," katanya yang boleh berkomunikasi dalam bahasa itu kerana sudah lama bergaul dengan masyarakat Orang Asli Temiar di situ.

Ketika menghampiri pokok besar berkenaan, Husni melihat dua kanak-kanak perempuan dengan seorang berbaring dan

“Sebaik memasukkan mereka ke dalam bot, seorang ada memberitahu adiknya sudah mati dan mayat rakan lain ada yang dimakan binatang buas”

Husni Hussin

menyelamatkan mereka.

"Dalam fikiran saya ketika itu hanya mahu menyelamatkan mereka saja dan terkejut apabila ada mayat di sisi.

"Sebaik memasukkan mereka ke dalam bot, seorang ada memberitahu adiknya sudah

nyelamat (SAR) diteruskan bagi mengesan dua lagi kanak-kanak, termasuk seorang kanak-kanak lelaki Haikal Yacob, 8, yang juga adik Norieen.

Operasi kini tertumpu di sepanjang Sungai Perias.

Episod penemuan kedua-dua kanak-kanak yang selamat itu bermula petang kelmarin apabila pasukan SAR menemui rangka manusia dipercayai milik kanak-kanak di tebing Sungai Perias, berdekatan Pos Tóhoi.

Rangka berkenaan ditemui jam 3.50 petang sebelum dibawa ke Hospital Gua Musang untuk ujian asid deoksiribonukleik (DNA).

Ita ditemui kira-kira 800 me-



PERDU pokok lokasi dua murid ditemui.

seorang lagi duduk.

"Apabila nampak saja kami, mereka seperti hendak melarikan diri walaupun keadaan mereka ketika itu terlalu kurus, cengkung dan keletihan.

"Kanak-kanak yang berbaring itu bergerak sangat perlahan. Malah, dia memaling kepala pun seperti robot kerana terlalu kurus dan tak bermaya.

"Sedih melihat mereka begitu. Nampak sangat mereka takut apatah lagi melihat kami hampiri. Hanya apabila memberitahu kami juga Orang Asli dan bercakap dalam bahasa Orang Asli barulah mereka tidak bergerak," katanya.

Dia tidak menyedari ada mayat di sisi kedua-dua kanak-kanak berkenaan sehingga mendekati untuk

mati dan mayat rakan lain ada yang dimakan binatang buas," katanya.

Sementara itu, Mirsudiar ketika ditemui memberitahu, dia ingin menikmati juadah nasi goreng, ayam goreng, telur goreng dan air oren.

Penemuan Norieen dan Mirsudiar bersama mayat kanak-kanak yang disahkan Ika Ayel, 9, menjadikan jumlah keseluruhan mangsa ditemui lima orang.

Kini operasi mencari dan me-

ter daripada mayat Sasa Sobrie, 8, dijumpai malam Rabu lalu dan polis percaya ia mempunyai kaitan dengan kehilangan murid Orang Asli berkenaan.

Tindakan tujuh murid Orang Asli itu, enam daripadanya perempuan berusia antara tujuh hingga 11 tahun melarikan diri dari asrama kerana takut dikenakan tindakan oleh guru selepas mereka dikesan mandi di sungai tanpa kebenaran.

Murid terbabit ialah Mirsudiar, Norieen, Ika, Sasa, Haikal, Linda Rosli, 8 dan Juvina David, 7, semuanya berasal dari Pos Tohoi.



MIRSUDIAR dan Norieen kelihatan tidak bermaya ketika ditemui.